



LAPORAN PERKHIDMATAN PSIKOLOGI KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN TAHUN 2023

**UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

LAPORAN PERKHIDMATAN PSIKOLOGI PENGURUSAN SUMBER MANUSIA PERKHIDMATAN AWAM KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN TAHUN 2023

Pengenalan

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) diwujudkan pada 15 Mei 1964 iaitu bersempena Hari Belia Negara. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah diamanahkan untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Malaysia khususnya dalam pembangunan belia dan sukan.

Visi

Membantu pengurusan sumber manusia dalam membangunkan warga organisasi yang sejahtera minda, emosi dan tingkah laku

Misi

- Melaksanakan dasar-dasar perkhidmatan psikologi yang dikeluarkan Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam
- Melaksanakan aplikasi psikologi dalam pengurusan sumber manusia
- Membangunkan bakat dalam kerjaya dan pembangunan insan kepada semua warga organisasi
- Membantu warga organisasi dalam membudayakan kecemerlangan dan minda kelas pertama dalam perkhidmatan

Nama Menteri :

- YB Hannah Yeoh

Nama Ketua Setiausaha :

- YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu

Nama Setiausaha Bahagian :

- Puan Rai'dah Mohd Yaman

A) APLIKASI PSIKOLOGI DALAM INTERVENSI (KAUNSELING)

Aplikasi psikologi dalam intervensi (kaunseling) telah dilaksanakan melalui pendekatan kaunseling individu, kaunseling kelompok, bimbingan dan juga konsultasi. Berikut adalah jumlah kes dan bilangan sesi kaunseling yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023:



JENIS SESI	JUMLAH SESI	JANTINA	
		LELAKI	PEREMPUAN
Sesi Kaunseling Individu (Bersemuka)	17	3	5
Sesi Kaunseling Kelompok	6	16	13
Sesi Bimbingan dan Konsultasi	83	15	15
E- Kaunseling	9	3	1
JUMLAH	114	37	34

Selain itu, pelaksanaan aplikasi psikologi dalam intervensi kaunseling juga turut melaksanakan beberapa program yang melibatkan warga kementerian dan jabatan di bawahnya bagi tujuan intervensi secara keseluruhannya. Berikut adalah senarai program yang telah dilaksanakan:

BIL	PROGRAM	TARIKH	BILANGAN PESERTA
1.	Psikologi Pagi	Hari Isnin Setiap minggu	-
2.	Bengkel <i>Training of Trainer</i> Pementoran	8-9 Mei 2023	31
3.	Kursus Pra AKRAB Tahap 1 Kementerian Belia dan Sukan	23-25 Mei 2023	30
4.	Mesyuarat Penyelarasan AKRAB		
	Bil.1/2023	12 Januari 2023	17
	Bil.2/2022	19 Mei 2023	11
5.	Kursus Pra AKRAB Tahap 2 Kementerian Belia dan Sukan	11-14 September 2023	26

1. PROGRAM PSIKOLOGI PAGI

Program Psikologi Pagi merupakan sesi perkongsian maklumat psikologi secara siar raya di Menara Kementerian Belia dan Sukan oleh Unit Pengurusan Psikologi dan Ahli AKRAB Kementerian Belia dan Sukan yang dilaksanakan pada hari Isnin setiap minggu. Perkongsian ini membantu warga KBS celik akal berkaitan psikologi dan kaunseling sekali gus sebagai *platform* memperkenalkan Unit Pengurusan Psikologi KBS dan Ahli AKRAB kepada warga KBS.



2. BENGKEL *TRAINING OF TRAINER* PEMENTORAN

Bengkel *Training Of Trainer* Pementoran telah dilaksanakan pada 9 dan 10 Mei 2023 di Hotel Pulse Grade, Putrajaya. Seramai 31 orang peserta telah menghadiri bengkel ini. Objektif bengkel adalah untuk memberi pendedahan berhubung peranan dan keperluan pementoran dalam Perkhidmatan Awam dan kemahiran perhubungan pementoran kepada peserta. Secara keseluruhannya bengkel yang dilaksanakan selama dua (2) hari ini berjalan dengan lancar. Para peserta berpendapat bengkel ini memberi manfaat kepada diri pegawai.



3. MESYUARAT PENYELARASAN AKRAB

Mesyuarat Penyelarasan AKRAB Kementerian Belia dan Sukan telah diadakan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2023. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk merancang dan melaksana aktiviti AKRAB bagi tahun 2023. Ahli Jawatankuasa AKRAB KBS telah memberi komitmen sepenuhnya menghadiri mesyuarat ini. Secara keseluruhannya, mesyuarat ini memberi impak yang baik kepada ahli AKRAB KBS dalam merancang dan mengendalikan program dengan berstruktur dan cemerlang. Mesyuarat ini juga turut berperanan sebagai *platform* untuk menjalinkan hubungan erat di antara ahli AKRAB dan Unit Pengurusan Psikologi KBS.



4. KURSUS PRA AKRAB TAHAP 1

Program ini telah dilaksanakan pada 23 hingga 25 Mei 2023 di Hotel Pulse Grande, Putrajaya. Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada pegawai Ibu Pejabat, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Belia Dan Sukan telah menghadiri program ini. Objektif program ini adalah untuk membentuk satu pemahaman awal kepada peserta mengenai perkhidmatan bimbingan. Selain itu, program ini turut memberi ilmu dan kemahiran kepada pegawai berkaitan kemahiran bimbingan bagi membentuk budaya kerja yang positif dan mencegah daripada persekitaran toksik dan negatif. Secara keseluruhannya program yang dilaksanakan selama tiga (3) hari ini berjalan dengan lancar. Para peserta berpendapat program ini dapat memberi manfaat kepada diri pegawai seterusnya kepada organisasi.



5. KURSUS PRA AKRAB TAHAP 2

Program ini telah dilaksanakan pada 11 hingga 14 September 2023 di Hotel Seaview Langkawi, Kedah. Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada pegawai yang telah hadir Kursus Pra AKRAB Tahap 1 di bawah Kementerian Belia Dan Sukan telah menghadiri program ini. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan tahap pemahaman kepada peserta mengenai perkhidmatan bimbingan dan latihan lanjutan kepada peserta. Selain itu, ia turut memberi ilmu dan kemahiran kepada pegawai berkaitan kemahiran bimbingan bagi membentuk budaya kerja yang positif dan mencegah daripada persekitaran toksik dan negatif. Program ini turut melaksanakan sesi Khidmat Masyarakat dengan mengadakan sesi bimbingan kepada 19 Orang Kena Pengawasan (OKP) di bawah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Langkawi. Secara keseluruhannya program yang dilaksanakan selama empat (4) hari ini berjalan dengan lancar. Para peserta berpendapat program ini dapat memberi manfaat kepada diri pegawai seterusnya kepada organisasi.



B) APLIKASI PSIKOLOGI DALAM PEMBANGUNAN PERSONEL (PROGRAM PEMBANGUNAN)

Terdapat 3 (tiga) program yang telah dilaksanakan bagi pelaksanaan program-program pembangunan di sepanjang tahun 2023 di Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Program-program adalah seperti jadual di bawah:

BIL	PROGRAM	TARIKH	BILANGAN PESERTA
1.	Program Urus Stres Cipta Sukses		
	Siri 1	15 Januari 2023	29
	Siri 2	1 Jun 2023	43
	Siri 3	13 Jun 2023	40
	Siri 4	7 Ogos 2023	60
2.	Program Bicara Psikologi 1.0: Pengurusan Ergonomik Di Tempat Kerja Kementerian Belia Dan Sukan	24 Ogos 2023	150
3.	Program Bicara Psikologi 2.0: Tempat Kerja Bebas Toksik	5 Oktober 2023	300

1. PROGRAM URUS STRES CIPTA SUKSES

Program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai jenis-jenis emosi dan cara mengendalikan emosi serta isu kesihatan mental agar dapat diuruskan dengan lebih baik di peringkat awal. Program ini juga telah memberi pendedahan kepada peserta kaedah saringan kesihatan mental melalui pendekatan kaunseling kelompok. Secara keseluruhannya program yang dilaksanakan selama satu (1) hari berjalan dengan lancar. Para peserta berpendapat program ini dapat memberi manfaat kepada diri pegawai seterusnya kepada organisasi. Program ini telah dilaksanakan sebanyak empat (4) siri seperti berikut:

1.1 Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Dusun Tua

Program ini dilaksanakan pada 16 Januari 2023 di IKTBN Dusun Tua. Seramai 29 orang peserta yang terdiri daripada pegawai IKTBN Dusun Tua telah menghadiri program ini. Sesi Kelompok juga telah dilaksanakan di dalam program ini yang dikendalikan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi.



1.2 Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBSN) Pulau Pinang

Program ini dilaksanakan pada 1 Jun 2023 di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang. Seramai 44 orang peserta yang terdiri daripada pegawai JBSN Pulau Pinang, JBSN Kedah, JBSN Perak dan IKBN Bukit Mertajam di bawah Kementerian Belia Dan Sukan telah menghadiri program ini.



1.3 Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBSN) Sarawak

Program ini dilaksanakan pada 13 Jun 2023 di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Sarawak. Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada pegawai JBSN Sarawak telah menghadiri program ini. Program ini juga telah dibantu oleh seramai tiga (3) orang ahli AKRAB KBS bagi mengendalikan sesi kelompok.



1.4 Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBSN) Kelantan


Program ini dilaksanakan pada 7 Ogos 2023 di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Kelantan. Seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada pegawai JBSN Kelantan telah menghadiri program ini.



2. PROGRAM BICARA PSIKOLOGI 1.0: PENGURUSAN ERGONOMIK DI TEMPAT KERJA


Program Bicara Psikologi 1.0: Pengurusan Egronomik di Tempat Kerja telah dilaksanakan pada 24 Ogos 2023 secara atas talian. Seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada Ibu Pejabat dan Jabatan/Agensi di bawah KBS telah menghadiri program ini. Encik Norhafizan Bin Ahmad, pensyarah daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanik, Universiti Malaya telah dijemput untuk menyampaikan ceramah. Objektif program adalah memberi pendedahan kepentingan pengurusan ergonomik di tempat kerja, mengenal pasti faktor risiko ergonomik di tempat kerja dan penaksiran faktor risiko ergonomik.

Secara keseluruhannya program yang dilaksanakan selama dua (2) jam ini berjalan dengan lancar. Para peserta berpendapat program ini memberi manfaat kepada diri pegawai.



3. PROGRAM BICARA PSIKOLOGI 2.0: TEMPAT KERJA BEBAS TOKSIK

Program Bicara psikologi 2.0: Tempat Kerja Bebas Toksik telah dilaksanakan pada 5 Oktober 2023 secara atas talian. Seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada Ibu Pejabat dan Jabatan/Agensi di bawah KBS telah menghadiri program ini. Unit Pengurusan Psikologi KBS telah menjemput YBrs. Dr. Ahmad Badruddin bin Abdullah, Perunding Latihan Kanan daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara bagi mengupas tajuk slot 1 iaitu Pengurusan Kesihatan Mental. Manakala, bagi slot 2: Narsistik – Toksik Di tempat Kerja telah disampaikan oleh YM. Dr. Raja Kamariah binti YM. Raja Mohd Khalid, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Objektif program adalah memberi pendedahan dan input berkaitan kesihatan mental, mengatasi tempat dan individu toksik di tempat kerja dan menggalakkan warga kerja menguruskan tempat kerja bertoksik dengan lebih efektif. Secara keseluruhannya program yang dilaksanakan selama empat (4) jam ini berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang baik daripada peserta.



C) APLIKASI PSIKOLOGI DALAM PENILAIAN PERSONEL (UJIAN PSIKOLOGI)

Bagi pelaksanaan aplikasi dalam penilaian personel (ujian psikologi) pula telah dibuat secara individu dan juga melalui program yang dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Psikologi. Ia bertujuan membantu Pengurus Sumber Manusia memahami minat, personaliti, emosi, sikap dan pencapaian seseorang dengan menggunakan ujian psikologi. Aplikasi ini digunakan semasa urusan pemilihan, penempatan, pengurusan prestasi, pembangunan kompetensi dan prapersaraan. Ia juga boleh digunakan dalam urusan temu duga berstruktur berasaskan ciri-ciri tingkah laku atau situasi. Berikut adalah beberapa jenis ujian yang telah digunakan sepanjang tahun 2023. Antaranya adalah:

- i. Inventori *Keirse*y *Temp*erament *Sorter*
- ii. *Depression Anxiety Stress Scale* (DASS 21)
- iii. Indikator Perwatakan Unggul
- iv. Ujian Adakah Anda *Burnout*
- v. Ujian Gaya Daya Tindak

BIL	UJIAN PSIKOLOGI	BILANGAN PEGAWAI (ORANG)	
		PENGURUSAN & PROFESIONAL	PELAKSANA
1	<i>Depression Anxiety Stress Scale</i> (DASS 21)	77	526
2	Indikator Perwatakan Unggul	685	730
3	Ujian Adakah Anda <i>Burnout</i>	22	62
4	Ujian Gaya Daya Tindak	13	202
JUMLAH		2,317	


D) APLIKASI PSIKOLOGI DALAM PENYELIDIKAN (KAJIAN)

Pada tahun 2023, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan lima (5) kajian kepada warga Kementerian. Kajian yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

BIL	TAJUK KAJIAN	TARIKH	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)
1	Kajian Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Warga Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan	5-6 April 2023	49
2	Kajian Melihat Hubungan Di Antara Tahap Daya Tindak Dan Stres Warga Kementerian Belia dan Sukan	1-12 Jun 2023	119
3	Kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi Dan Keterlibatan Pegawai Perkhidmatan Awam	15 Jun hingga 16 Julai 2023	3044
4	Tinjauan Berkaitan Aspek Kesejahteraan Diri Di Tempat Kerja	25 Julai hingga 7 Ogos 2023	213
5	Kajian Kepuasan Kerja Kementerian Belia dan Sukan Tahun 2023	6 hingga 17 November 2023	281
Jumlah Responden			3,706

1. KAJIAN KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN WARGA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Kajian ini telah dilaksanakan pada 5 hingga 6 April 2023. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan kerja bagi warga Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Belia dan Sukan. Bilangan responden bagi kajian ini adalah seramai 49 orang yang terdiri daripada warga BPSM, KBS.



2. KAJIAN MELIHAT HUBUNGAN DI ANTARA TAHAP DAYA TINDAK DAN STRES WARGA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Kajian ini telah dilaksanakan pada 1 hingga 12 Jun 2023. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap stres dan hubungan antara tahap daya tindak dan stres dalam kalangan warga KBS. Seramai 119 orang warga KBS daripada pelbagai bahagian dan unit telah terlibat dalam kajian ini.



DAPATAN KAJIAN



Dalam kajian ini, tahap daya tindak dan stres ditentukan oleh jumlah skor yang diperolehi dari 119 responden daripada 2 bahagian utama iaitu gaya daya tindak dan stres melalui analisis deskriptif. Jadual 2 dibawah menunjukkan hubungan tahap daya tindak dan stres responden warga Kementerian Belia dan Sukan di Putrajaya.

BAHAGIAN B	R	BAHAGIAN B	BAHAGIAN C
		1	.412
	P		< .001
BAHAGIAN C	R	.119	.119
	P	< .001	1
		119	119

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap daya tindak dan stress di tahap yang normal dengan mencatatkan nilai 0.412 $p < 0.01$. Nilai R yang diperolehi ialah 0.412 dengan nilai $p = 0.001$ dan ia lebih kecil daripada aras signifikan $\alpha = 0.01$. Terdapat hubungan daya tindak dan stress yang positif. Ini bermakna bahagian daya tindak yang tinggi turut diikuti oleh bahagian stress yang normal. Hal ini menunjukkan apabila tahap daya tindak yang tinggi akan mengawal tahap stress yang dialami oleh responden.


3. KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DAN KETERLIBATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kesejahteraan psikologi peringkat Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Tahap pengukuran adalah berdasarkan kepada lima (5) domain iaitu emosi positif, emosi negatif, kepuasan hidup, kefungsihan psikologi dan kesejahteraan sosial. Seramai 1064 orang warga KBS daripada pelbagai bahagian dan unit telah terlibat dalam kajian ini.



4. TINJAUAN BERKAITAN ASPEK KESEJAHTERAAN DIRI DI TEMPAT KERJA

Kajian ini telah dilaksanakan pada 27 Julai hingga 7 Ogos 2023. Tinjauan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai aspek kesejahteraan diri di tempat kerja dalam kalangan Pegawai Belia dan Sukan dan Pegawai Latihan di Kementerian Belia dan Sukan. Seramai 213 orang responden telah terlibat dalam kajian ini.



5. KAJIAN KEPUASAN KERJA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN TAHUN 2023

Kajian ini telah dilaksanakan pada 6 hingga 17 November 2023. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan kerja bagi warga Kementerian Belia dan Sukan. Bilangan responden bagi kajian ini adalah seramai 281 orang yang terdiri daripada warga KBS daripada pelbagai bahagian dan unit di KBS.



TAHAP KEPUASAN KERJA WARGA KBS

ELEMEN	SKOR (NILAI MIN)
Bidang Tugas	4.14
Penyelia/Ketua	4.07
Peningkatan Kerjaya	4.05
Pengiktirafan/Penghargaan	4.05
Perhubungan Di Tempat Kerja	4.16
Kemudahan/Perkhidmatan Lain	4.15
SKOR KESELURUHAN	4.10

SKALA

TINGGI
3.68-5.00

SEDERHANA
2.34-3.67

RENDAH
1.00-2.33

N=281

Disediakan oleh,
Unit Pengurusan Psikologi
Kementerian Belia dan Sukan